



PEMBANGUNAN MODEL PEMBELAJARAN KEMAHIRAN SOSIAL BERASASKAN NILAI-NILAI KEROHANIAN UNTUK KANAK-KANAK TADIKA



MOHAMAD ALBAREE BIN ABDUL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



PEMBANGUNAN MODEL PEMBELAJARAN KEMAHIRAN SOSIAL
BERASASKAN NILAI-NILAI KEROHANIAN UNTUK
KANAK-KANAK TADIKA

MOHAMAD ALBAREE BIN ABDUL

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...11...(hari bulan)...OKTOBER (bulan) 20...22...

i. Perakuan pelajar :

Saya, MOHAMAD ALBAREE BIN ABDUL, P20182002151, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMBANGUNAN MODEL PEMBELAJARAN KEMAHIRAN SOSIAL BERASASKAN NILAI-NILAI KEROHANIAN UNTUK KANAK-KANAK TADIKA

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, ZAHAH BINTI OSMAN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBANGUNAN MODEL PEMBELAJARAN KEMAHIRAN SOSIAL BERASASKAN NILAI-NILAI KEROHANIAN UNTUK KANAK-KANAK TADIKA

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah _____ (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

11 OKTOBER 2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PEMBANGUNAN MODEL PEMBELAJARAN KEMAHIRAN SOSIAL
BERASASKAN NILAI-NILAI KEROHANIAN UNTUK KANAK-KANAK TADIKA

No. Matrik / Matric's No.: P20182002151

Saya / I : MOHAMAD ALBAREE BIN ABDUL

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

DR. ZAHARAH BINTI OSMAN

Pensyarah Kanan

Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Fakulti Pembangunan Manusia

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjung Malim, Perak

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 11 OKTOBER 2022

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, Alhamdulillah, Alhamdulillah, segala puji bagi ALLAH S.W.T, tuhan sekalian alam. Syukur ke hadrat ALLAH S.W.T kerana limpah dan kurniaNya, akhirnya saya dapat menyelesaikan perjalanan menuntut ilmu ini dengan sebaiknya. Tidak lupa juga kepada Selawat salam buat junjungan besar Baginda Rasulullah S.A.W. Saya bersyukur kerana perjalanan menuntut pengajian Ph.D ini memerlukan kekuatan dan kesabaran terutamanya aspek dalaman yang perlu diperkukuhkan sepanjang tempoh pengajian. Di samping itu, impian dan cita-cita yang tinggi jugalah merupakan asbab utama dalam meneruskan pengajian ini sehingga ke titik akhirnya. Perjuangan ini tidaklah dilakukan dengan sendirinya tanpa bantuan orang-orang kuat disebalik tabir yang banyak memberikan sumbangan besar dalam menyiapkan tesis ini. Alhamdulillah, pertama sekali saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia utama saya iaitu Dr. Zaharah Osman dan Prof. Dr. Saedah Siraj di atas bantuan yang begitu besar dari aspek bimbingan, teguran dan nasihat yang berguna sepanjang perjalanan bermula dari semester 1 sehinggalah semester 6. Berkat jasa baik, usaha, dan komitmen merekalah dapat juga saya menyiapkan penyelidikan ini dengan sebaik-baiknya. Jutaan terima kasih saya ucapkan. Seterusnya, penghargaan juga turut disampaikan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam menaja pengajian saya melalui Biasiswa Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) dan tempoh cuti belajar yang diberikan selama 1 tahun 5 bulan memberikan saya peluang dan masa dalam menyiapkan pengajian ini, terima kasih saya ucapkan. Penghargaan dan jutaan terima kasih juga diucapkan kepada ahli keluarga saya terutama ibu bapa, isteri, dan adik beradik saya kerana banyak membantu dari segi kewangan, sokongan, nasihat, dan sentiasa mendoakan saya dalam mengharungi perjalanan ini serta memahami saya sepanjang menyiapkan kajian ini. Ribuan terima kasih kepada semua rakan pensyarah Jabatan Pendidikan awal kanak-kanak, Fakulti pembangunan Manusia yang banyak membantu dalam memberi tunjuk ajar dan nasihat kepada saya dalam menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga ucapan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu secara langsung dan tidak langsung dalam penyelidikan ini, semoga Allah membalas jasa baik anda semua. Sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih semua.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan sebuah model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika. Pembinaan model ini adalah berdasarkan pendekatan Rekabentuk dan Pembangunan (*Design and Development Research, DDR*). Berpandukan pendekatan DDR, kajian ini terbahagi kepada tiga fasa utama. Fasa I adalah Fasa analisis keperluan yang menggunakan satu set borang soal selidik yang melibatkan 120 orang guru tadika. Data maklum balas yang diperolehi telah dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 26.0 untuk melihat peratusan, skor min, dan juga sisihan piawai. Bagi Fasa II pula adalah Fasa rekabentuk dan pembangunan model yang melibatkan sekumpulan panel pakar pembangunan yang terdiri daripada 9 orang. Terdapat dua subfasa dalam fasa ini iaitu fasa rekabentuk yang menggunakan pendekatan *Nominal Group Technique (NGT)*, dan fasa pembangunan yang menggunakan pendekatan *Interpretive Structural Modelling (ISM)*. Seterusnya, Fasa III adalah Fasa penilaian kebolehgunaan model yang melibatkan sekumpulan panel pakar pelaksana yang terdiri daripada 14 orang guru tadika. Penilaian kebolehgunaan ini telah dilaksanakan menggunakan pendekatan *Fuzzy Delphi Method (FDM)*. Dapatan keseluruhan fasa I menunjukkan terdapat kewajaran untuk membangunkan sebuah model bagi membantu meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak ($M = 4.70$, $SP = 0.504$). Dapatan kajian juga mendapati bahawa tahap pengetahuan responden kajian berkenaan dengan kemahiran sosial untuk kanak-kanak masih berada di tahap yang sederhana ($M = 3.48$, $SP = 1.04$). Dapatan fasa II pula telah menghasilkan 29 elemen model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian dan dikelaskan kepada tiga dimensi utama hasil daripada konsensus pakar-pakar yang terlibat. Bagi dapatan fasa III, hasil menunjukkan konsensus yang tinggi dalam kalangan pakar terhadap kebolehgunaan model yang dibangunkan ($d \leq 0.2$, peratusan $\geq 75\%$, nilai $\alpha - \text{cut} \geq 0.5$). Kesimpulannya, kajian ini mengusulkan satu model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian sebagai usaha awal dalam melahirkan kanak-kanak yang mempunyai keperibadian dan sahsiah terpuji sebagai memenuhi keperluan dan perkembangan kanak-kanak tadika. Model ini berupaya menjadi garis panduan kepada guru-guru tadika dalam melaksanakan pembelajaran yang memberi tumpuan kepada aspek kemahiran sosial berteraskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika.



DEVELOPMENT OF SOCIAL SKILLS LEARNING MODEL BASED ON SPIRITUAL VALUES FOR KINDERGARTEN CHILDREN

ABSTRACT

This study was aimed to develop a model of social skills learning based on spiritual values for kindergarten children by adopting a Design and Development Research (DDR) approach. Based on the DDR approach, this study was divided into three main phases. Phase I was a needs analysis phase that utilized a set of questionnaires involving 120 kindergarten teachers. The feedback data obtained were analyzed by using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 26.0 to determine the percentage, mean score, and standard deviation. For Phase II, it was a design and development phase of the model which involved a group of experts in model development consisted 9 people. There were two subphases in this phase, namely the design phase that employed the Nominal Group Technique (NGT) approach, and the development phase that adopted the Interpretive Structural Modeling (ISM) approach. Next, Phase III was the usability evaluation phase of the model which involved a group of implementing expert panels consisted of 14 kindergarten teachers. This usability assessment was performed by using the Fuzzy Delphi Method (FDM) approach. The overall findings of phase I indicated that there were needs for developing the model to improve children's social skills ($M = 4.70$, $SP = 0.504$). The study also found that the level of knowledge of respondents to social skills for children at a moderate level ($M = 3.48$, $SP = 1.04$). The findings of phase II have resulted in 29 elements of the social skills learning model based on spiritual values and classified into three main dimensions as a result of the consensus of the experts involved. For the phase III findings, the results showed a high consensus among experts on the applicability of the developed model ($d \leq 0.2$, percentage $\geq 75\%$, α -cut value ≥ 0.5). In conclusion, this study proposes a model of social skills learning based on spiritual values as an initial effort in producing children with admirable personalities and personalities as meeting the needs and development of kindergarten children. This model would be able to be a guideline for kindergarten teachers in implementing learning that focuses on aspects of social skills based on spiritual values for kindergarten children.

KANDUNGAN

Muka surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	1
1.3 Penyataan masalah	5
1.4 Objektif kajian	9
1.5 Persoalan kajian	10
1.6 Kerangka konseptual kajian	13
1.7 Definisi operasional	16
1.7.1 Model	16
1.7.2 Pembelajaran	17
1.7.3 Kemahiran sosial	17

1.7.4	Nilai-nilai kerohanian	18
1.7.5	Kanak-kanak	18
1.8	Batasan kajian	19
1.9	Rasional kajian	21
1.10	Kepentingan kajian	22
1.11	Rumusan	23

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	25
2.2	Perkembangan pendidikan awal kanak-kanak	26
2.3	Perkembangan pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia	27
2.4	Perkembangan kurikulum pendidikan prasekolah	28
2.4.1	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)	30
2.5	Pembelajaran kemahiran sosial	35
2.5.1	Konsep Pembelajaran	35
2.5.2	Konsep kemahiran sosial	36
2.6	Elemen kemahiran sosial	39
2.6.1	Elemen interaksi sosial	48
2.6.2	Elemen komunikasi	51
2.6.2.1	Komunikasi lisan	53
2.6.2.2	Komunikasi bukan lisan	53
2.6.3	Elemen kerjasama dalam kumpulan	54
2.6.4	Elemen kemahiran mendengar	57

2.7	Perkembangan kemahiran sosial	59
2.8	Kajian-kajian lepas berkaitan dengan kemahiran sosial	60
2.8.1	Strategi menggalakkan pembangunan kemahiran sosial kanak-kanak	71
2.9	Kerangka Teoritikal	74
2.9.1	Teori Pembelajaran Sosial (Albert Bandura, 1977)	74
2.9.2	Teori Pembangunan Kerohanian (Al-Ghazali, t.t)	77
2.9.3	Teori Konstruktivisme Sosial (Vygotsky, 1978)	79
2.9.4	Model Pembangunan Kerohanian (Saedah Siraj, 2012)	82
2.9.4.1	Konsep Pembangunan kerohanian menurut pandangan sarjana lain	83
2.9.4.2	Kajian-kajian lepas berkaitan dengan aspek pembangunan nilai kerohanian	87
2.9.5	Model Nilai (Al-Ghazali, 2002; Zaharah Hussin, 2008)	94
2.10	Rumusan	98

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	100
3.2	Reka bentuk kajian	101
3.2.1	Kerangka metodologi kajian	103
3.3	Fasa I : Fasa analisis keperluan	104
3.3.1	Instrumen kajian	106
3.3.2	Kajian rintis	107

3.3.3	Sampel kajian	108
3.3.4	Prosedur kajian	109
3.3.5	Analisis data	110
3.4	Fasa II : Fasa reka bentuk dan pembangunan Model	111
3.4.1	Nominal Group Technique (NGT)	116
3.4.1.1	Instrumen kajian	117
3.4.1.2	Responden kajian	118
3.4.1.3	Prosedur dan analisis data	120
3.4.2	Interpretive Structural Modeling (ISM)	126
3.4.2.1	Proses Interpretive Structural Modeling (ISM)	127
3.4.2.2	Instrumen kajian	129
3.4.2.3	Responden kajian	129
3.4.2.4	Prosedur dan analisis data	132
3.5	Fasa III : Fasa penilaian kebolegunaan Model	136
3.5.1	Fuzzy Delphi Method (FDM)	138
3.5.1.1	Instrumen kajian	139
3.5.1.2	Responden kajian	140
3.5.1.3	Prosedur kajian	141
3.5.1.4	Analisis data	144
3.6	Matriks kajian	146
3.7	Rumusan	152

BAB 4 DAPATAN KAJIAN : FASA ANALISIS KEPERLUAN

4.1	Pengenalan	153
-----	------------	-----

4.2	Analisis Bahagian A: Demografi Responden	154
4.3	Analisis Bahagian B: Keperluan Pembangunan Model	157
4.4	Analisis Bahagian C : Tahap pengetahuan guru	166
4.5	Rumusan	169

BAB 5 DAPATAN KAJIAN : FASA REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN

5.1	Pengenalan	171
5.2	Elemen-elemen dalam membangunkan model kajian	173
5.3	Kedudukan keutamaan elemen model kajian	180
5.3.1	Dapatan <i>Nominal Group Technique</i> (NGT)	183
5.4	Bentuk model kajian	204
5.4.1	Pembinaan Frasa kontekstual dan Frasa hubungan	204
5.4.2	Dapatan dan paparan model kajian	205
5.4.3	Perbincangan struktur dan pindaan jika perlu	209
5.5	Klasifikasi Model	209
5.6	Pengelasan Dimensi elemen-elemen model kajian	226
5.7	Rumusan	240

BAB 6 DAPATAN KAJIAN : FASA PENILAIAN DAN KEBOLEHGUNAAN

6.1	Pengenalan	242
6.2	Bahagian I: Dapatan Maklumat Latar Belakang Pakar	245
6.3	Bahagian II: Dapatan kesesuaian elemen model	248
6.4	Bahagian III: Dapatan kesesuaian klasifikasi elemen model	258
6.5	Bahagian IV: Dapatan kesesuaian hubungan	262

antara elemen model

6.6	Bahagian V: Dapatan kesesuaian dimensi model	266
6.7	Bahagian VI: Dapatan penilaian kebolegunaan keseluruhan model	270
6.8	Rumusan	277

BAB 7 PERBINCANGAN DAPATAN, IMPLIKASI, DAN CADANGAN

7.1	Pengenalan	279
7.2	Ringkasan keseluruhan kajian	280
7.3	Perbincangan dapatan objektif kajian 1	281
7.4	Perbincangan dapatan objektif kajian 2	285
7.5	Perbincangan dapatan objektif kajian 3	290
7.6	Implikasi dan cadangan kajian	294
7.6.1	Implikasi terhadap teori	295
7.6.2	Implikasi terhadap amalan	297
7.6	Cadangan kajian lanjutan	299
7.7	Penutup dan Rumusan	301

RUJUKAN	304
----------------	-----

LAMPIRAN	346
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Perincian peranan bagi enam tunjang dalam KSPK	32
2.2	Elemen kemahiran sosial	45
2.3	Kategori-kategori bagi elemen kemahiran sosial	47
2.4	Perbandingan konsep pembangunan kerohanian	87
3.1	Rumusan mengenai jenis-jenis reka bentuk dan pembangunan pendekatan DDR	102
3.2	Kajian berdasarkan pendekatan DDR	103
3.3	Skala likert Lima mata (Aras persetujuan)	106
3.4	Interprestasi <i>nilai Cronbach's Alpha</i>	108
3.5	Nilai Kebolehpercayaan Instrumen (<i>Cronbach's Alpha</i>)	108
3.6	Model-model sandaran bagi pembentukan elemen	113
3.7	Pakar peringkat awal bagi sesi temu bual	119
3.8	Pakar pembangunan untuk pendekatan NGT	119
3.9	Penerangan tentang langkah-langkah pendekatan Nominal Group Technique (NGT)	121
3.10	Analisis dapatan menggunakan pendekatan NGT	125
3.11	Pakar pembangunan untuk pendekatan ISM	131
3.12	Nilai <i>Cronbach's alpha</i> bagi fasa penilaian kebolegunaan mode	139
3.13	Pemboleh ubah linguistik 7 skala	143
3.14	Matriks kajian model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika	147
4.1	Analisis demografi responden	155

4.2	Persepsi responden terhadap kemahiran sosial sangat penting untuk perkembangan kanak-kanak (Item B1)	157
4.3	Persepsi responden terhadap kemahiran sosial kanak-kanak perlu diambil perhatian yang sewajarnya (Item B2)	158
4.4	Persepsi responden terhadap kemahiran sosial merupakan aspek yang perlu ditekankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Item B3)	159
4.5	Persepsi responden terhadap kanak-kanak perlu dibimbing dengan langkah yang betul bagi meningkatkan kemahiran sosial mereka (Item B4)	159
4.6	Persepsi responden tentang terdapat proses-proses tertentu untuk meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak (Item B5)	160
4.7	Persepsi responden terhadap perkembangan kemahiran sosial mampu mempengaruhi penguasaan kemahiran-kemahiran asas yang lain (Item B6)	161
4.8	Persepsi responden terhadap perkembangan kemahiran sosial mampu mempengaruhi pencapaian akademik kanak-kanak (Item B7)	162
4.9	Persepsi responden terhadap perkembangan kemahiran sosial mampu membentuk keperibadian kanak-kanak ke arah yang lebih baik (Item B8)	162
4.10	Persepsi responden terhadap perkembangan kemahiran sosial mampu mengatasi masalah tingkah laku negatif dalam kalangan kanak-kanak (Item B9)	163
4.11	Persepsi responden terhadap keperluan garis panduan dan rujukan untuk meningkatkan tahap kemahiran sosial kanak-kanak (Item B10)	164
4.12	Analisis Keperluan Pembangunan Model	165
4.13	Jadual tafsiran min	166
4.14	Analisis Tahap pengetahuan guru	167
5.1	Senarai pakar yang terlibat	174

5.2	Senarai awal elemen model	177
5.3	Senarai panel pakar NGT dan ISM	181
5.4	Elemen-elemen model yang telah dikemaskini	184
5.5	Analisis dapatan <i>Nominal Group Technique</i> (NGT)	188
5.6	Senarai akhir elemen-elemen model kajian	193
5.7	Huraian bagi elemen model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian	196
5.8	<i>Reachability Matrix</i>	210
5.9	<i>Partition of reachability matrix</i>	214
5.10	Tahap pengaruh mengikut kedudukan elemen berpandukan <i>partition of reachability matrix</i>	218
5.11	Senarai Dimensi, elemen, dan huraianya	231
6.1	Dapatan maklumat latar belakang pakar	246
6.2	Dapatan <i>Nilai Threshold</i> (d) kesesuaian elemen model	249
6.3	Dapatan kesesuaian elemen model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian	250
6.4	Dapatan <i>nilai threshold</i> (d) kesesuaian klasifikasi elemen model	259
6.5	Dapatan kesesuaian klasifikasi elemen model mengikut kluster (<i>Kluster Dependence, Kluster Linkage, Kluster Autonomous</i> dan <i>Kluster Independent</i>)	260
6.6	Dapatan nilai threshold (d) kesesuaian hubungan antara elemen model	263
6.7	Dapatan kesesuaian hubungan antara elemen-elemen model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian	264
6.8	Dapatan <i>nilai threshold</i> (d) kesesuaian dimensi elemen model	267
6.9	Dapatan kesesuaian dimensi elemen model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian	268



- | | | |
|------|--|-----|
| 6.10 | Dapatan <i>nilai threshold</i> (d) kebolegunaan keseluruhan model | 271 |
| 6.11 | Dapatan penilaian kebolegunaan keseluruhan model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian | 272 |



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka konseptual kajian	15
2.1	Kerangka Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK, 2017)	31
2.2	Hubungan tiga unsur dalam teori pembelajaran sosial iaitu Persekitaran (P), Tingkah laku (T), dan Keperibadian diri (K) (Albert Bandura, 1977)	76
2.3	Model Pembangunan Kerohanian, Q-Rohani (Saedah Siraj, 2012)	83
3.1	Kerangka metodologi kajian	104
3.2	Prosedur kajian bagi Fasa analisis keperluan	110
3.3	Fasa reka bentuk dan pembangunan model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian	112
3.4	Carta alir bagi fasa reka bentuk dan pembangunan menggunakan pendekatan ISM	128
3.5	Carta alir prosedur kajian menggunakan <i>Fuzzy Delphi Method</i> (FDM)	141
3.6	Graf segi tiga min melawan nilai <i>triangular</i>	145
5.1	Paparan Model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika	207
5.2	Klasifikasi Model Pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian	224
5.3	Pengelasan dimensi bagi elemen-elemen model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian	239
6.1	Model Pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika (Model Akhir)	276

SENARAI SINGKATAN

CYH	<i>Children and Youth Health</i>
DDR	<i>Design and Development Research</i>
EQ	<i>Emotional Quotient</i>
FELDA	<i>Federal Land Development Authority</i>
FDM	<i>Fuzzy Delphi Method</i>
IPTA/S	Institusi Pendidikan Tinggi Awam/Swasta
IQ	<i>Intelligence Quotient</i>
ISM	<i>Interpretive Structural Modelling</i>
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPK	Kurikulum Prasekolah Kebangsaan
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
LINUS	Literasi dan Numerasi
NAEYC	<i>National Association for the Education of Young Children</i>
NGO	Badan Bukan Kerajaan
NGT	<i>Nominal Group Technique</i>
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
SP	Sisihan Piawai
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SSIM	<i>Structural Self-Interaction Matrix</i>
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
ZPD	<i>Zone of Proximal Development</i>
3M	Membaca, Mengira, dan Menulis



SENARAI LAMPIRAN

- A Borang soal selidik fasa analisis keperluan
- B Pembentukan Elemen Model bersandarkan model-model sandaran dan kajian literatur
- C Protokol Temu bual
- D Borang Pengesahan pakar terhadap senarai awal elemen model
- E Borang soal selidik sesi NGT
- F Borang soal selidik Penilaian kebolehgunaan Model
- G Pengesahan pelajar membuat penyelidikan di UPSI
- H Pengesahan pelajar membuat penyelidikan



BAB 1

PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan aspek-aspek berhubung dengan latar belakang kajian yang dilaksanakan, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian dan persoalan kajian. Selain itu, bahagian ini turut menjelaskan kerangka konseptual kajian, definisi operasional, batasan kajian, rasional kajian, dan kepentingan kajian yang dilaksanakan.

1.2 Latar belakang kajian

Kemahiran sosial merupakan kemahiran yang sangat penting dalam kehidupan seseorang individu khususnya dalam kalangan kanak-kanak. Hal ini kerana,



kemahiran ini sangat diperlukan oleh setiap kanak-kanak untuk membesar dengan lebih produktif. Menurut *Children and Youth Health* (CYH) dalam kajian Nur Diyanah dan Syaza Hazwani (2021) menyatakan bahawa, kemahiran sosial dapat ditakrifkan sebagai keupayaan kanak-kanak dalam menjalinkan persahabatan, bekerjasama dan tolong-menolong, mendengar dan mengikut arahan dengan baik, penglibatan dalam kerja berpasukan, serta mempunyai komunikasi yang positif. Selain itu, kemahiran sosial dapat dipelajari oleh kanak-kanak apabila mereka mula menunjukkan interaksi dengan orang disekelilingnya (Smidt, 2010).

Penguasaan kemahiran sosial kanak-kanak dapat dibina dan diperkembangkan menerusi aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan di tadika. Ini kerana pelaksanaan proses pembelajaran kanak-kanak di tadika adalah berpanduan dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang bertujuan untuk menyediakan pengalaman yang sangat bermakna sebagai asas persediaan awal kanak-kanak memasuki alam persekolahan di sekolah rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Menurut Jain Chee (2017), golongan yang mempunyai akauntabiliti dalam melaksanakan kurikulum tersebut secara langsung adalah guru yang mempunyai kepakaran dalam pendidikan awal kanak-kanak. Hal ini demikian, guru merupakan orang yang memainkan peranan penting dalam melaksanakan dan memilih pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang paling sesuai dan juga berkesan (McKenney & Voogt, 2017; Blackwell., Lauricella & Wartella, 2016; Mariani & Mohd Sofian, 2012; Celik, Sahin, & Akturk, 2014). Untuk melaksanakan tanggungjawab ini, setiap guru tadika perlu mempunyai kreativiti dan kemahiran dalam membina aktiviti pembelajaran selaras matlamat yang digariskan di dalam KSPK iaitu:



"Memperkembangkan potensi murid berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyuburkan serta aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif, dan bermakna. Ini adalah untuk meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep sendiri yang positif pada diri murid agar mereka bersedia untuk menghadapi cabaran dan mengikuti pembelajaran seterusnya."

(Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, KSPK : 2019)

Berdasarkan matlamat KSPK di atas, jelas menunjukkan bahawa penekanan terhadap perkembangan kanak-kanak secara holistik dari pelbagai aspek sangat diutamakan. Namun demikian, menjadi kerisauan adalah corak pengajaran bersifat konvensional yang memberi tumpuan terhadap penguasaan 3M (Membaca, Mengira, dan Menulis) masih ditekankan dalam kalangan guru (Nur Diyanah & Syaza Hazwani, 2021; Baroroh, 2015; Jaslinah, 2014; Saayah Abu, 2003). Ini ditambah lagi, permintaan kebanyakan ibu bapa menginginkan anak mereka lebih mengutamakan penguasaan kemahiran 3M yang hanya tertumpu kepada aspek IQ (*Intelligence quotient*) kanak-kanak semata-mata berbanding penguasaan EQ (*Emotional Quatient*) yang dilihat semakin dipinggirkan (Juppri Bacotang, 2019; Zaida Wiyani, 2016; Jain et al., 2015; Ng & Yeo, 2014).

Justeru, bagi membantu kanak-kanak mencapai perkembangan secara menyeluruh seperti yang digariskan dalam KSPK, penekanan terhadap penguasaan kemahiran sosial dan emosi (EQ) perlu diberi perhatian terlebih dahulu. Hal ini



kerana, penguasaan kemahiran sosial dapat membantu kanak-kanak memahami dan menyedari emosi sama ada diri sendiri atau orang lain, membuat pengurusan dari aspek emosi dan tingkah laku dengan baik, berkomunikasi dengan secara berkesan, membentuk perhubungan yang sihat dan positif, kerja berpasukan, serta dapat menyelesaikan konflik dengan sebaiknya (Zaharah Osman, 2015). Lebih-lebih lagi, penguasaan kemahiran sosial yang berpandukan kepada aspek penerapan nilai-nilai kerohanian dapat membentuk dan membersihkan jiwa (dalaman) kanak-kanak supaya menjadi insan yang mempunyai karakter dan sahsiah yang baik dalam pergaulan dengan orang di sekelilingnya (Saedah Siraj, 2012a).

Pendedahan kepada nilai-nilai kerohanian dalam membantu kemahiran sosial kanak-kanak amat penting untuk membimbing mereka ke arah kehidupan yang lebih sihat dan membentuk keperibadian yang terpuji. Selain itu, kajian Shahrizal Mahpol, Muhammad Saiful Anuar Yusoff, dan Muhammad Luqman Ibnul Hakim, (2020) menjelaskan nilai-nilai kerohanian yang diterapkan dalam setiap disiplin ilmu bagi semua bidang sama ada bidang keagamaan atau bidang lain mampu melahirkan insan yang seimbang dan juga cemerlang dari pelbagai aspek. Menurut Saedah Siraj (2012a), kepentingan pendidikan yang berteraskan kepada nilai-nilai kerohanian adalah berkait rapat dengan pendidikan sepanjang hayat yang perlu diperkenalkan dalam kalangan kanak-kanak. Tambahan pula, penerapan nilai-nilai kerohanian mampu membersihkan jiwa (spiritual) kanak-kanak agar sentiasa dapat melakukan kebaikan dan mencegah dari melakukan kejahatan terutama yang melibatkan pergaulan dengan kanak-kanak lain.





Oleh itu, pengkaji telah membangunkan sebuah model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian sebagai garis panduan dan rujukan buat guru-guru tadika dalam mempertingkatkan lagi kemahiran sosial kanak-kanak menerusi penerapan nilai-nilai kerohanian.

1.3 Penyataan Masalah

Di Malaysia, isu yang berkaitan dengan masalah sosial dalam kalangan pelajar sering mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat dan dilihat sangat membimbangkan (Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi, &, Khairunnisa, 2018; Zaharah Osman, 2015; Khalim Zainal, & Wan Zulkifli Wan Hassan, 2009; Baharom & Mohamad Johdi, 2009). Permasalahan ini bukan sahaja memberi simbolik kepada keruncingan masalah sosial, malah ia turut memberi kesan yang mendalam kepada diri, keluarga, masyarakat, dan sesebuah negara (Absha Atiah & Mohd Isa Hamzah, 2019; Tengku Elmi Azlina et al., 2017; Zainudin & Norazmah, 2011). Ini kerana, masalah sosial tidak akan berlaku secara mendadak, tetapi ianya terbentuk berdasarkan proses kemahiran sosial yang dibina bermula diperingkat awal kanak-kanak (Zaharah Osman, 2015).

Secara umumnya, kemahiran sosial adalah satu set kemahiran dan tingkah laku yang boleh diterima untuk mewujudkan interaksi individu dengan orang lain secara berkesan, dan membantu mengelakkan tindak balas yang tidak dapat diterima secara sosial (Nor Fatinah, Azizah Zain, & Zarina Eshak, 2020). Kemahiran ini perlu dimiliki dan dibentuk bermula di peringkat kanak-kanak. Hal ini kerana, ianya sangat





penting dalam memberi impak yang cukup besar terhadap fungsi dalam kehidupan terutama yang melibatkan diri, orang lain, dan persekitaran sosial. Selain itu, Docksa (2010) berpandangan bahawa pembinaan kemahiran sosial kanak-kanak mampu memberi kesan yang positif bukan sahaja dari aspek interpersonal, malah sekaligus turut mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Namun begitu, dapatan pemerhatian yang dilaksanakan oleh Wizliyani Agustina dan Husain Ibrahim (2019) menjelaskan bahawa terdapat segelintir kanak-kanak yang masih mempunyai permasalahan dari aspek kemahiran sosial yang melibatkan rakan sebaya dan orang sekeliling. Keadaan ini membolehkan kanak-kanak akan gemar melakukan perbuatan menyendiri dan mengelak daripada berhadapan dengan orang lain. Kesannya, kanak-kanak akan menghadapi masalah dari segi pergaulan, sering dibuli, dan akan dipinggirkan oleh rakan sebaya (Zaharah Osman, 2015).



Seterusnya, kajian Nur Diyanah dan Syaza Hazwani (2021) menjelaskan bahawa walaupun sebilangan besar kanak-kanak dapat menjalin pergaulan dalam keadaan baik bersama rakan sebaya, tetapi yang menjadi kerisauan adalah kanak-kanak sering menghadapi masalah kemahiran sosial yang lain seperti kemahiran berkongsi barang atau peralatan permainan. Perkara ini boleh mencetuskan kesan yang negatif seperti pergaduhan, buli, melemparkan perkataan atau tuduhan yang tidak baik, dan akan mengganggu sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Kajian Kit Yee dan Syed Akbar (2017) mendapati bahawa isu permasalahan ini sering berlaku ketika aktiviti berkumpul dilaksanakan. Menurut Brogle et. al, (2013), kemahiran berkongsi sama ada bahan, peralatan, atau permainan dapat dibina dan dipelajari menerusi aktiviti pembelajaran yang melibatkan kerjasama dalam kumpulan, bukanlah terbentuk secara semula jadi. Tambahnya, aktiviti kerjasama





dalam berpasukan bukan sahaja dapat meningkatkan tahap kemahiran berkongsi kanak-kanak, malah ia dapat meningkatkan tahap kemahiran sosial yang lain (Brogle et. al, 2013).

Kemahiran sosial seperti kemahiran komunikasi sangat penting untuk kanak-kanak. Hal ini kerana, kemahiran ini banyak membantu kanak-kanak dari aspek perkembangan bahasa dan komunikasi. Menurut Machado (2016) menyatakan bahawa kemahiran berbahasa yang dikuasai oleh kanak-kanak apabila lahir adalah kemahiran mendengar dan bertutur, kemudian kemahiran tersebut akan berkembang kepada kemahiran berbahasa yang lengkap. Walaupun kemahiran ini merupakan salah satu aspek kemahiran sosial yang sangat penting untuk kanak-kanak, akan tetapi masih terdapat bukti yang menunjukkan kanak-kanak membesar dengan mengalami masalah perkembangan bahasa dan memberi impak terhadap interaksi sosial mereka (Durkin & Conti-Ramsden, 2007). Tambahan pula, kesan-kesan lain seperti kegagalan dalam akademik, tingkah laku bermasalah, gagal dalam mengawal emosi, suka berasingan dengan orang lain, dan menjadi mangsa buli turut dihadapi (St Clair, Pickles, Durkin, & Conti-Ramsden, 2011; Conti-Ramsden, Durkin, Simkin, & Knox, 2009).

Jika dilihat dalam kajian Zainiah, Juppri, Nur fatin, dan Mazlina (2017) menjelaskan bahawa kanak-kanak yang mempunyai masalah perkembangan bahasa akan memberi kesan kepada pencapaian literasi dan akademik mereka. Hal ini selaras dengan kajian Law, Rush, dan McBean (2014) pula menyatakan bahawa kanak-kanak akan mengalami masalah tingkah laku, dan masalah sosial dengan orang disekeliling sekiranya masalah perkembangan bahasa dan komunikasi tidak dibendung. Dapatan



kajian Zainiah et al, (2017) membuktikan bahawa salah satu faktor masalah perkembangan bahasa adalah disebabkan penglibatan kanak-kanak dalam perbualan seperti mengeluarkan idea, pendapat, dan persoalan masih berada di tahap yang lemah. Ini kerana proses bagi sesuatu interaksi berlaku bukanlah sehalu, akan tetapi ianya berlaku secara timbal balik (Leaf et al., 2016).

Keupayaan kanak-kanak untuk berinteraksi adalah bergantung dengan perkembangan kemahiran sosial mereka (Mamat, Nasir, & Kamarul zaman, 2020). Jika kemahiran sosial kanak-kanak dibentuk dan dibina dengan baik, kebolehan untuk mereka berinteraksi dengan persekitaran sosial akan menjadi lebih mudah. Hal ini kerana, perkembangan kemahiran sosial mampu membantu kanak-kanak mencapai kematangan dalam hubungan persekitaran sosial seperti mempunyai tahap keyakinan diri yang tinggi, mudah mempelajari sesuatu perkara, dan mempengaruhi tingkah laku ke arah kebaikan iaitu berakhlak, bersahsiah, dan mempunyai jati diri yang tinggi (Yusof, 2007).

Kemahiran mendengar merupakan salah satu kemahiran sosial yang sangat penting bagi seseorang individu. Namun begitu, isu yang melibatkan kemahiran mendengar sering dikenalpasti dan kurang diambil perhatian yang sewajarnya (Jaafar, 2020). Hal ini kerana, sebilangan masyarakat membuat andaian bahawa kemahiran mendengar adalah kemahiran sekunder jika dibandingkan dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain. Menurut Hamouda (2013), kemahiran mendengar sering dipinggirkan sehingga memberi kesan yang cukup besar kepada persekitaran di sekolah. Tambahnya lagi, dapatan kajian menunjukkan bahawa kemahiran mendengar

merupakan kemahiran yang dikenalpasti berada di tahap yang paling lemah dalam penguasaan seseorang pelajar.

Berdasarkan pernyataan masalah seperti diatas jelas menunjukkan bahawa terdapat keperluan dan kewajaran membangunkan model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika. Selain itu, kewujudan model ini diharap dapat menutupi dan menangani isu-isu yang melibatkan kemahiran sosial kanak-kanak. Disamping itu, para guru boleh menjadikan model ini sebagai garis panduan dan rujukan dalam meningkatkan tahap kemahiran sosial kanak-kanak agar keberkesanan pembelajaran di dalam kelas atau luar kelas dapat dicapai dengan sebaiknya. Bukan itu sahaja, model ini diharap dapat membentuk sifat keperibadian dan sahsiah terpuji dalam diri kanak-kanak menerusi proses pembelajaran berpandukan pembangunan nilai-nilai kerohanian.

1.4 Objektif kajian

Penyelidikan ini adalah berasaskan kajian pembangunan yang merupakan satu bentuk kajian berdasarkan kepada reka bentuk keperluan dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan (Richey, 1997; Richey & Klien, 2014). Oleh itu, terdapat tiga objektif utama dalam setiap fasa berdasarkan pendekatan *Design and Development Research* (DDR) untuk membangunkan model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika. Maka, objektif kajian adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Mengenalpasti keperluan pembangunan model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika.
- 1.4.2 Merekabentuk dan membangunkan model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika.
- 1.4.3 Menilai kebolegunaan model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika.

1.5 Persoalan kajian

Bagi mencapai objektif kajian ini, berikut merupakan persoalan-persoalan kajian mengikut fasa seperti yang telah ditetapkan, iaitu:

Fasa I : Fasa analisis keperluan (*Needs Analysis*) model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika. Persoalan kajian adalah seperti berikut:

1.5.1 Apakah keperluan model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika?

- 1.5.1.1 Adakah terdapat keperluan untuk membangunkan satu model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika berdasarkan pandangan guru?



1.5.1.2 Apakah tahap pengetahuan guru tadika tentang kemahiran sosial untuk kanak-kanak?

Fasa II : Fasa Reka bentuk dan Pembangunan model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika. Persoalan kajian adalah seperti berikut:

1.5.2 Apakah reka bentuk dan pembangunan model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika?

1.5.2.1 Apakah elemen-elemen yang perlu ada dalam membangunkan model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika berdasarkan persetujuan pakar?

1.5.2.2 Apakah kedudukan keutamaan elemen model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika berdasarkan persetujuan pakar?

1.5.2.3 Apakah bentuk model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika berdasarkan persetujuan pakar?

1.5.2.4 Bagaimanakah elemen-elemen diklasifikasikan dalam model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika berdasarkan persetujuan pakar?



1.5.2.5 Bagaimanakah pengelasan dimensi elemen-elemen dalam model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika berdasarkan persetujuan pakar?

Fasa III : Fasa Penilaian kebolegunaan model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika. Persoalan kajian adalah seperti berikut:

1.5.3 Apakah kebolegunaan model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika?

1.5.3.1 Apakah konsensus pakar terhadap kesesuaian elemen-elemen yang dicadangkan dalam model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika?

1.5.3.2 Apakah konsensus pakar terhadap kesesuaian klasifikasi senarai elemen mengikut kluster (Kluster *Dependence*, Kluster *Linkage*, Kluster *Autonomous* dan Kluster *Independent*) seperti yang dicadangkan dalam model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika?

1.5.3.3 Apakah konsensus pakar terhadap hubungan antara elemen-elemen seperti yang dicadangkan dalam model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika?

1.5.3.4 Apakah konsensus pakar terhadap kesesuaian dimensi yang dikelaskan dalam model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika?


1.5.3.5 Apakah konsensus pakar terhadap kesesuaian kebolegunaan keseluruhan model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika?

1.6 Kerangka konseptual kajian

Kerangka konseptual dibina bertujuan sebagai panduan dan gambaran pengkaji bagi memahami proses kajian yang dilaksanakan. Kajian ini adalah kajian pembangunan model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika. Model yang terhasil menjadi penanda aras bagi rujukan guru-guru tadika dalam menerapkan nilai-nilai kerohanian melalui aktiviti pembelajaran kemahiran sosial dan sekaligus meningkatkan tahap kemahiran sosial dalam kalangan kanak-kanak.

Oleh hal demikian, Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang menggambarkan proses pembangunan model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian yang merangkumi kesemua teori, model, dan pendekatan yang digunakan. Berdasarkan Rajah 1.1 dibawah, teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura (1977), teori Pembangunan Kerohanian Al-Ghazali (t.t), dan teori Konstruktivisme Vygotsky (1978), menjadi teori dasar dalam kajian ini.

Manakala, model Pembangunan Kerohanian Q-rohani (Saedah Siraj, 2012), Model Nilai (Al-Ghazali, 2002; Zaharah Hussin, 2008), dan Model Kemahiran sosial (Tengku Elmi Azlina et. al, 2014; Jaslina, 2014; Docksa, 2010; Hasmah Abu Bakar, 2006) dijadikan sebagai model sandaran dalam membentuk dan menghasilkan elemen-elemen model kajian ini.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual kajian

1.7 Definisi Operasional

Bahagian ini menjelaskan beberapa makna istilah yang diguna pakai dalam kajian ini dan dihuraikan bagi tujuan penerangan dan pemahaman dengan lebih terperinci. Definisi istilah tersebut adalah seperti berikut :

1.7.1 Model

Model merujuk kepada satu bentuk konsep yang diilustrasikan dalam bentuk grafik bertujuan untuk memudahkan pembaca dalam memahami proses kerja atau aktiviti (Tracey & Morrow, 2006). Manakala, pandangan Abdul Muqsith (2018) dalam kajiannya pula menyatakan bahawa model ditakrifkan sebagai satu kerangka dan garis panduan bagi tenaga pengajar dalam menerapkan elemen-elemen penting berasaskan aktiviti yang dilaksanakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, kajian Mohd Nazri (2014) menjelaskan bahawa model bermaksud sesuatu bentuk gambaran yang mewakili teori dengan menyatakan pemboleh ubah yang terkandung di dalamnya dan wujudnya perkaitan antara pemboleh ubah tersebut.

Model juga dapat ditakrifkan sebagai simbol pengalaman yang terdiri daripada perkataan dan gambar rajah yang merujuk kepada sistem untuk memahami realiti dan fenomena secara objektif dan empirikal (Abd Khalil, 2017). Kajian Sufean Hussin dan Norliza Zakuan (2009) menyatakan bahawa model adalah binaan idea yang berkaitan dengan sesuatu teori dan fenomena yang diuji bertujuan untuk melihat dan mengenal pasti tindak balas dalam sesuatu keadaan tertentu. Justeru, kajian ini



menyatakan bahawa model adalah satu bentuk paparan rujukan yang dapat memandu guru dalam melaksanakan segala bentuk aktiviti pembelajaran seperti mana yang dicadangkan dalam model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian.

1.7.2 Pembelajaran

Pembelajaran merupakan proses memperoleh maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat, pembentukan sikap dan kepercayaan, serta meningkatkan tahap perkembangan (Sihes, 2011). Dalam konteks kajian, pembelajaran merujuk kepada proses pelaksanaan yang terancang untuk kanak-kanak memperoleh pengetahuan dan kemahiran menerusi kegiatan yang dilakukan.



1.7.3 Kemahiran sosial

Kemahiran sosial dapat dirujuk sebagai kebolehan seseorang individu untuk mewujudkan interaksi dengan orang lain (Jaslinah, 2014). Menurut Nur Diyanah dan Syaza Hazwani (2021), kemahiran sosial juga bermaksud keupayaan kanak-kanak dalam menjalinkan persahabatan, bekerjasama dan tolong-menolong, mendengar dan mengikut arahan dengan baik, penglibatan dalam kerja berpasukan, serta mempunyai komunikasi yang positif. Dalam kajian ini, kemahiran sosial yang dimaksudkan adalah kemahiran yang perlu dikuasai dan diberi penekanan oleh kanak-kanak tadika yang melibatkan empat domain utama, iaitu; (i) interaksi sosial; (ii) komunikasi;





(iii) kerja dalam pasukan; dan (iv) kemahiran mendengar yang dilihat perlu diutamakan dan diberi perhatian yang sewajarnya (Tengku Elmi Azlina et. al, 2014; Jaslina, 2014; Docksay, 2010; Hasmah abu bakar dalam kajian Jaslinah Makantal, 2014).

1.7.4 Nilai-nilai kerohanian

Nilai-nilai kerohanian merujuk kepada nilai yang dapat membentuk dalaman (jiwa) seseorang individu kearah keperibadian yang terpuji (Saedah Siraj, 2012a). Dalam kajian ini, elemen nilai-nilai kerohanian terhasil daripada gabungan domain model Nilai (Al-Ghazali, 2002; Zaharah Hussin, 2008), model Q-Rohani (Saedah Siraj, 2012), dan telah melalui proses temubual pakar, proses perbincangan dan kesahan pakar melalui pendekatan *Nominal Group Technique* (NGT). Elemen-elemen yang terhasil dapat membentuk dan membersihkan jiwa kanak-kanak agar menjadi insan yang mempunyai keperibadian dan sahsiah yang baik dalam menjalin hubungan serta pergaulan dengan orang sekeliling menerusi aktiviti pembelajaran kemahiran sosial yang dilaksanakan.

1.7.5 Kanak-kanak

Kanak-kanak dapat ditakrifkan sebagai individu yang berumur 18 tahun ke bawah (Akta kanak-kanak 2001- Akta 611, 2014). *National Association for the Education of Young Children* [NAEYC] (2009) pula menyatakan bahawa kanak-kanak yang





berumur dari lahir sehingga 8 tahun adalah kanak-kanak peringkat awal. Di Malaysia, sistem pendidikan membahagikan peringkat awal kanak-kanak kepada dua peringkat iaitu kanak-kanak yang berumur 4+ dan 5+ tahun adalah kanak-kanak tadika atau prasekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017), manakala kanak-kanak yang berumur lahir sehingga 4+ tahun adalah kanak-kanak taska (PERMATA, 2014). Dalam kajian ini, kanak-kanak merujuk kepada individu yang berumur 5+ tahun yang sedang mengikuti program pendidikan awal kanak-kanak di tadika swasta.

1.8 Batasan kajian

Bagi membangunkan model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika, terdapat beberapa batasan kajian yang dikenali antara lain seperti berikut:

1.8.1 Kajian yang dilaksanakan bertujuan untuk mereka bentuk, membangunkan dan menilai kebolegunaan model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan *Design and Development Research* (DDR), maka kajian ini lebih menumpukan kepada proses reka bentuk dan pembangunan model.

1.8.2 Bagi fasa analisis keperluan, kajian ini sangat bergantung kepada kerjasama, dan komitmen responden dalam memberi maklumbalas dan pandangan secara jujur dan ikhlas berdasarkan soal selidik yang diberikan. Manakala, fasa rekabentuk dan pembangunan model pula bergantung kepada tahap kerjasama, sumbangan idea, dan





komitmen yang diberikan oleh pakar-pakar yang terlibat untuk mendapatkan kesahan dan kesepakatan menerusi pendekatan *Nominal Group Technique* (NGT) dan pendekatan *Interpretive Structural Modelling* (ISM). Seterusnya, model yang terhasil telah melalui peringkat terakhir iaitu fasa penilaian kebolegunaan dengan menggunakan pendekatan *Fuzzy Delphi Method* (FDM). Justeru, ianya hanya tertumpu kepada pengesahan dalaman model yang melihat kesesuaian turutan elemen, kesesuaian dimensi dan penilaian terhadap keseluruhan model berdasarkan maklumbalas daripada pakar-pakar yang terlibat.

1.8.3 Kajian ini terbatas disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), dan Pandemik Covid-19. Justeru, pelaksanaan kajian fasa II iaitu fasa reka bentuk dan pembangunan, dan fasa III iaitu fasa penilaian kebolegunaan model telah dijalankan



1.8.4 Model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian yang dibangunkan merupakan hasil gabungan teori dan model yang mendasari kajian ini. Tambahan pula, setiap elemen yang telah dipilih adalah berdasarkan soroton literatur, temu bual pakar, perbincangan, konsensus sekumpulan pakar pembangunan dan dibangunkan melalui teknik *Interpretive Structural Modelling* (ISM), kemudian dinilai oleh pakar pelaksana menerusi pendekatan *Fuzzy Delphi Method* (FDM)



1.9 Rasional Kajian

Kajian pembangunan model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika dilaksanakan adalah berdasarkan kepada rasional-rasional seperti berikut:

Pertama, pengkaji memilih elemen kemahiran sosial sebagai fokus kajian adalah berdasarkan perbincangan pernyataan masalah yang menunjukkan terdapat keperluan untuk membangunkan model yang memberi tumpuan kepada aspek pembelajaran kemahiran sosial kanak-kanak. Selain itu, tumpuan perhatian terhadap penguasaan kemahiran sosial dan emosi (EQ) dapat membantu kanak-kanak bukan sahaja dari aspek perkembangan secara holistik, malah dapat mempengaruhi pencapaian akademik kanak-kanak itu sendiri. Hal ini kerana, penguasaan kemahiran sosial dapat membantu kanak-kanak dalam membuat pengurusan emosi dan tingkah laku yang baik, berkomunikasi secara berkesan, membentuk perhubungan yang sihat dan positif, mudah bekerja dalam kumpulan, serta dapat menyelesaikan konflik dengan sebaiknya (Zaharah Osman, 2015).

Kedua, pengkaji memilih untuk membangunkan sebuah model pembelajaran kemahiran sosial adalah berdasarkan perbincangan sarjana dalam kajian mereka yang hanya menumpukan elemen-elemen kemahiran sosial sahaja. Sehingga kini, model yang memberi fokus kepada elemen pembelajaran kemahiran sosial belum pernah dibangunkan dan diusahakan dalam konteks tadika di Malaysia. Oleh hal demikian, pengkaji berpandangan bahawa terdapat kewajaran untuk membangunkan sebuah model yang bercorakkan pembelajaran kemahiran sosial untuk kanak-kanak tadika.

Ketiga, rasional pemilihan nilai-nilai kerohanian adalah bersandarkan kajian Saedah Siraj (2012a) yang menyatakan bahawa nilai-nilai kerohanian merupakan elemen yang dapat membentuk dalaman (jiwa) seseorang individu dalam membangunkan sifat keperibadian yang terpuji. Justeru, pembangunan nilai-nilai kerohanian merupakan langkah awal dan pendekatan yang sesuai bagi memandu kanak-kanak membentuk dan meningkatkan kemahiran sosial mereka.

1.10 Kepentingan kajian

Berdasarkan sorotan literatur dan pernyataan masalah, jelaslah menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk membangunkan sebuah model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian sebagai alternatif dalam menyelesaikan pelbagai isu yang dihadapi terutama yang melibatkan golongan kanak-kanak. Oleh itu, terdapat beberapa kepentingan perlunya model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak, antaranya seperti berikut:

Pertama, model ini dapat memberi manfaat dan menjadi garis panduan kepada guru-guru tadika dalam melaksanakan aktiviti seperti yang disarankan dalam model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika. Selain itu, elemen-elemen pembelajaran kemahiran sosial dalam model ini diharap dapat membantu kanak-kanak mencapai tahap kemahiran sosial secara optimum seperti yang diperlukan.



Kedua, model ini dapat dijadikan rujukan kepada Institusi Pendidikan Tinggi Awam/Swasta (IPTA/S) yang melibatkan kursus pendidikan awal kanak-kanak. Para pensyarah di IPTA/S dapat memanfaatkan model ini dan melaksanakannya secara kursus jangka pendek ataupun kursus jangka panjang. Hal ini bertujuan untuk membantu para pelajar pendidikan awal kanak-kanak meningkatkan tahap pengetahuan mereka tentang pentingnya kemahiran sosial dan penerapan nilai-nilai kerohanian dalam kalangan kanak-kanak. Selain itu, model ini juga boleh dijadikan rujukan kepada pelajar yang akan menjalani latihan mengajar di tadika sebagai persediaan mereka untuk melaksanakan aktiviti yang melibatkan kemahiran sosial kanak-kanak.

Ketiga, model ini berupaya menjadi penanda aras dan rujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Penggubal Dasar dan Polisi Pendidikan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Institusi Pendidikan Tinggi Awam/Swasta (IPTA/S), guru-guru tadika, ibu bapa, dan pelajar IPTA/S dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak agar dapat memaksimumkan dapatan kajian ini untuk memenuhi keperluan pendidikan kanak-kanak berdasarkan model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian yang telah terhasil.

1.11 Rumusan

Rumusannya, bab ini memberi gambaran secara keseluruhan berkenaan dengan kajian tentang pembangunan model pembelajaran kemahiran sosial berasaskan nilai-nilai kerohanian untuk kanak-kanak tadika. Terdapat beberapa subtopik yang telah





dibincangkan di dalam bab ini sebagai pengenalan kajian antaranya seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual kajian, definisi istilah, batasan kajian, dan kepentingan kajian.

